

R

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACQ-0239  
INV. no 9/2/0

PEMIKIRAN EKONOMI AL-IMĀM AL-GHAZĀLĪ: KAJIAN DALAM *IHYĀ'*  
*'ULŪM AL-DĪN*

ALI BADRON BIN MOKHTAR

IGA 98029

Disertasi ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan ijazah  
Sarjana Syariah (Berkursus dan Disertasi)

Perpustakaan Universiti Malaya



A510573927

AKADEMI PENGAIJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
SESI 1999/2000

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْأَنْجَوْنِي  
الْقَدِيرُ بِعَوَادِه  
الْعَلَمَاءِ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

## DEDIKASI

*Setulus penghargaan buat ayahanda Haji Mokhtar bin Tarmidi*

*& bonda Hajjah Asmah Abdul Hamid....*

*Keringat dan kepayahanmu mendidik menjadi azimat yang tiada nilainya.*

*Semoga Allah s.w.t. memberi rahmat dan kasih sayang sebagaimana mereka*

*memeliharaku ketika aku masih kecil...*

*Isteriku Saadiah Saad*

*Inspirasiku di kala kebuntuan tiada ilham*

*Cahayamataku....Fatin Farhana & Muhammad Urfan Azim*

*Tawa & tangis kalian menjadi ubat segala kepayahan*

## ABSTRAK

Ali Badron bin Mokhtar: Pemikiran Ekonomi al-Imām al-Ghazālī dalam *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*.

Kajian ini berkisar di sekitar perkembangan pemikiran ekonomi Islam dengan mengkhususkan kajian kepada sumbangan yang dilakukan oleh al-Imām al-Ghazālī. Dalam hal ini penulis cuba mengkaji pemikiran tersebut berasaskan kepada kajian teks iaitu dengan mengkaji secara terperinci di dalam kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* karangan al-Imām al-Ghazālī.

Bagi menjelaskan perkara tersebut, latarbelakang tokoh ini daripada pelbagai sudut akan dijelaskan terlebih dahulu kerana ia banyak mempengaruhi corak pemikiran serta prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh beliau. Justeru penerangan tentang latarbelakang al-Imām al-Ghazālī ini dikemukakan dalam bab satu. Konsep Ekonomi Islam diterangkan dalam bab kedua sebagai landasan teori bagi kajian ini. Bab ketiga dan empat akan ditumpukan kepada kajian tentang kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* dengan menganalisis dari segi kandungannya terutama yang berkaitan dengan aspek ekonomi. Analisis pemikiran ekonomi al-Imam al-Ghazali turut dimuatkan dalam bab empat.

Andaian kajian ini ialah al-Imām al-Ghazālī telah memberi sumbangan yang besar dalam pembentukan asas ekonomi Islam terutamanya bagi Mazhab al-Shāfi'i sebagaimana yang dikemukakan oleh beliau dalam *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*.

## ABSTRACT

Ali Badron bin Mokhtar: Economic Thought of al-Imām al-Ghazālī in *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*.

The Study revolves around the development of Islamic economic thinking. The study specializes in the contribution of al-Imām al-Ghazālī. In this matter, the writer tries to study the above thought based on text studies. This is done studying thoroughly the *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, a book which is written by al-Imām al-Ghazālī.

To clarify the above matter, the background of the figure will be firstly reviewed from different angles. This is because, it gives a lot of influences on the pattern of thought and its principles which are forwarded by him. For this reason, the explanation of the background of al-Imām al-Ghazālī is done in the first chapter. Islamic economic concept is explained in the second chapter as a foundation of the theory for this study. The third and fourth chapters will focus on the study of the book *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* by surveying the contents especially to those which are related to the economic aspects. The analysis of the economic thought of al-Imām al-Ghazālī is written in chapter four.

The assumption of this study is al-Imām al-Ghazālī has made an immense contribution in the development of the foundation of Islamic economy especially for Mazhab al-Shāfi'i as told by him in *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Kesyukuran dilafazkan ke hadrat Allah s.w.t., salawat dan salam kepada junjungan besar Rasulullah s.a.w, ahli keluarga, para sahabat baginda serta kaum muslimin seluruhnya.

Berkat ketabahan dan kecekalan kurniaan Nya, maka disertasi ini berjaya juga disempurnakan sebagai memenuhi syarat mendapatkan ijazah Sarjana Syariah di Universiti Malaya ini. Pengalaman sepanjang penulisan ini banyak memberi pengalaman dan pengetahuan yang berharga kepada saya dalam usaha memantapkan lagi keilmuan khususnya dalam bidang yang diceburi ini.

Di ruangan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu yang terlibat dalam menjayakan disertasi ini, terutama kepada Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdullah @ Alwi Hj Hassan selaku penyelia yang banyak memberi bimbingan, panduan dan nasihat berguna sepanjang menyelia disertasi ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada Yang Berbahagia Dr. Zainudin bin Hj. Jaffar, Presiden Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR) yang telah memberikan ide awal sehingga terhasilnya kajian di bawah tajuk ini. Begitu juga pihak KISDAR yang telah memberikan bantuan dari segi kewangan, kemudahan dan sebagainya bagi memudahkan lagi pengajian saya di peringkat sarjana ini.

Ucapan terima kasih juga kepada Pn Patmawati Ibrahim, Dr. Joni Tamkin Borhan dan semua pensyarah dan kakitangan Akademi Pengajian Islam khususnya Bahagian Syariah di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan. Begitu juga kepada Safwan Hasbullah, Azizi Che Seman, Abdul Rauf bin Dato' Hassan dan semua sahabat seperjuangan yang banyak memberi dorongan dan sokongan setiap masa.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih khusus kepada isteri tercinta Saadiah Saad, anak-anak dan keluarga yang telah banyak membantu dan memberi sokongan sepanjang pengajian ini.

Buat akhirnya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Semoga segala kerjasama, pertolongan, sokongan dan dorongan yang diberikan akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah s.w.t.

Salam mesra

ALI BADRON BIN MOKHTAR

15 A PARIT 6 TIMUR

54300 SUNGAI BESAR

SELANGOR

6 APRIL 2000

1 MUHARRAM 1421 H

## DAFTAR ISI

TAJUK	HALAMAN
DEDIKASI	i
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iv
DAFTAR ISI	vi
TRANSLITERASI	x
SENARAI KEPENDEKAN	xii
PENDAHULUAN	
Latarbelakang Kajian	1
Objektif Kajian	2
Metodologi Kajian	3
a. Metode pengumpulan data dan fakta	3
i.     Metode Dokumentasi	3
ii.    Metode Historis	4
b. Metode penafsiran dan penulisan.	4
i.     Metode induktif	4
ii.    Metode komperatif	5
Masalah Kajian	6
BAB SATU : LATARBELAKANG KEHIDUPAN AL-IMĀM AL-GHAZĀLĪ	
1.1.    Latarbelakang keluarga	8
1.2.    Latarbelakang akademik	11

1.2.1. Pendidikan	11
1.2.2. Penglibatan dalam bidang pendidikan	13
1.2.3. Penulisan akademik	16
1.3. Latarbelakang politik	21
1.3.1. Kuasa Pemerintahan & Politik	21
1.3.2. Aliran Pemikiran	23
1.4. Sumbangan al-Imām al-Ghazālī	26
1.5. Kesimpulan	27
NOTA HUJUNG	29

## BAB DUA : PEMIKIRAN EKONOMI ISLAM

2.1. Definisi	36
2.2. Ciri-ciri ekonomi Islam	39
2.3. Falsafah ekonomi Islam	41
2.3.1. Institusi <i>Tawhīd</i>	43
2.3.2. Institusi Harta dan Pemilikan	46
2.4. Kesimpulan	51
NOTA HUJUNG	52

## BAB TIGA : PEMIKIRAN EKONOMI AL-IMĀM AL-GHAZALI DALAM *IHYĀ*' `ULŪM AL-DĪN

3.1. Pengenalan Kitab <i>Iḥyā`</i> `Ulūm al-Dīn	58
3.2. Isi Kandungan Kitab <i>Iḥyā`</i> `Ulūm al-Dīn	59
3.3. Institusi Zakat	63
3.4. Kontrak-Kontrak Perniagaan	65

3.4.1. Kontrak Jualbeli	66
3.4.2. Kontrak yang mengandungi unsur riba	69
3.4.3. Kontrak <i>al-Salam</i>	70
3.4.3. Kontrak Sewaan ( <i>al-Ijārah</i> )	71
3.4.5. Kontrak Pelaburan Untung Rugi ( <i>al-Qirād</i> )	73
3.4.6. Kontrak Perkongsian Usahasama ( <i>al-Shirkah</i> )	74
3.5. Etika Dalam Urusan Perniagaan	75
3.5.1. Perkara yang perlu dijauhi ketika berurusniaga	75
3.5.1.1. Kemudaratan yang menyeluruh	76
3.5.1.2. Kemudaratan yang menimpa kepada	
pihak yang berurusniaga sahaja	77
3.5.2. Perbuatan terpuji ketika menjalankan aktiviti perniagaan	79
3.5.3. Perniagaan sebagai urusan agama atau ibadat	81
3.6. Kesimpulan	83
NOTA HUJUNG	84

**BAB EMPAT : SUMBANGAN AL-IMĀM AL-GHAZĀLĪ DALAM  
BIDANG EKONOMI.**

4.1. Zakat	87
4.1.1. Sumber hukum kewajiban Zakat	87
4.1.2. Keperluan Kepada Penulisan Semasa	92
4.1.3. Pandangan al-Imām al-Ghazālī berhubung zakat	92
4.2. Pekerjaan dan perniagaan	93
4.3. Keperluan kepada Pengetahuan Ilmu Perniagaan	94
4.3.1. Kontrak jualbeli	95

4.3.2. Riba	99
4.3.2.1. Riba dan kaitannya dengan bunga	100
4.4. Kontrak salam	107
4.5. Kontrak sewaan ( <i>al-Ijārah</i> )	108
4.6. Kontrak <i>qirād</i>	109
4.7. Kontrak usahasama ( <i>al-Shirkah</i> )	112
4.8. Pengagihan kekayaan	115
4.8.1 Kaedah Undang-Undang	117
4.8.1.1. Kaedah positif	117
4.8.1.2. Kaedah berbentuk tegahan	119
4.8.2. Kaedah Pilihan	125
4.9. Kesimpulan	126
NOTA HUJUNG	128
 BAB LIMA : KESIMPULAN DAN PENUTUP	
1. Kesimpulan	137
2. Saranan	141
 BIBLIOGRAFI	143

## TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam disertasi ini adalah berdasarkan sistem ejaan baru Bahasa Melayu. Manakala perkataan-perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seberti berikut:

### 1.KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
أ	a	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ħ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	هـ	h
ش	sh	ء	'
ص	ṣ	يـ	y
ض	ḍ		

## 2. VOKAL

Pendek	Panjang	Diftong
_____ a	_____ ā	_____ ay
_____ i	_____ ī	_____ aw
_____ u	_____ ū	

Kaedah transliterasi tidak digunakan bagi perkataan-perkatan Arab yang telah dimelayukan, iaitu dengan merujuk kepada penggunaan perkataan tersebut dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.

Manakala terjemahan ayat-ayat al-Quran dalam disertasi ini adalah merujuk kepada terjemahan Shaykh Abdullah bin Muhammad Basmeih, *Tafsir Pimpinan al-Rahmān Kepada Pengertian al-Qurān*, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1993.

## SENARAI KEPENDEKAN

cet.	Cetakan
ed.	Edisi
et al.	<i>Et alii</i> (3 orang penyunting atau lebih)
ibid	In the place cited
H	Hijrah
Hj	Haji
Ltd.	Limited
M	Meninggal dunia
m.s	Muka surat
op.cit	In the work cited
Prof	Profesor
Dr.	Doktor
s.w.t.	Subhānahu Wata'ālā
s. `a.w.	Sallallāhu `Alaihi Wasallam
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
t.t.	Tanpa Tarikh
terj.	Edisi Terjemahan



# PENDAHULUAN

## PENDAHULUAN

### Latarbelakang Kajian

Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn Muḥammad Ibn Ṭa'ūs Aḥmad al-Ṭūsī al-Shāfi'ī al-Ghazālī (450-505H./1058-1111) tanpa diragui merupakan seorang tokoh besar dalam sejarah Islam dan ketamadunannya.

Ini terbukti dengan pelbagai gelaran yang diberikan kepada tokoh ini seperti *Hujjat al-Islām*, *al-Imām al-Jalīl*, *Zayn al-Dīn*, *Mujaddid*, *Imām al-Khurāsān wa al-`Irāq*, *Wāarith al-Anbiyā'* dan *Tāj al-Mujtahidīn*.

Al-Imām al-Ghazālī merupakan seorang personaliti yang mampu menampilkan kehebatan dan penguasaan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Bagi ahli falsafah beliau merupakan seorang tokoh dalam bidang tersebut. Beliau juga dikenali sebagai seorang ahli sufi, ahli teologi dan pakar perundangan Islam pada zamannya.

Ketajaman pemikiran dan keupayaan mencurahkannya dalam bentuk karya dan penulisan menyebabkan pemikiran dan ide beliau dapat dimanfaatkan sehingga kini. Banyak kajian dan penyelidikan telah dilakukan oleh pelbagai pihak yang meliputi pelbagai pihak sama ada kepada keperibadian ataupun hasilan karya al-Imām al-Ghazālī.

Kajian ini juga bertujuan menyelidik ketokohan beliau khusus dalam bidang ekonomi berdasarkan karya unggul beliau iaitu *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Kajian ini penting bagi menjelaskan bahawa al-Imām al-Ghazālī juga merupakan tokoh dalam Mazhab al-Shāfi'i yang memberikan sumbangan besar dalam membentuk pemikiran ekonomi. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* walaupun lebih dikenali sebagai sebuah hasil penulisan yang banyak membincangkan aspek-aspek akhlak namun tidak dapat dinafikan ia juga mengetengahkan aspek-aspek ekonomi yang boleh dijadikan asas pemikiran ekonomi Mazhab al-Shāfi'i.

### Objektif Kajian

Kajian ini telah menggariskan objektif-objektif khusus sebagai landasan kajian yang cuba dicapai seperti berikut:

1. Menjelaskan latarbelakang kehidupan al-Imām al-Ghazālī dari pelbagai sudut seperti latarbelakang keluarga, pendidikan, penulisan ilmiah, politik dan ekonomi.
2. Meneliti isi kandungan kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* secara keseluruhan serta mengkritik dan menganalisis isi kandungannya yang berkaitan dengan aspek ekonomi.

3. Menguraikan pemikiran ekonomi yang diutarakan oleh al-Imām al-Ghazālī serta menilai asas pemikiran beliau dalam bidang tersebut berdasarkan hasil penulisannya dalam kitab *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*.
4. Menyatakan sumbangan al-Imām al-Ghazālī dalam bidang ekonomi sebagai satu sumbangan yang besar kepada Mazhab Shāfi‘ī.

#### Metodologi Kajian

Dalam menyusun disertasi ini beberapa metode telah digunakan antaranya:

- a. Metode pengumpulan data dan fakta

Dalam usaha mendapatkan data dan fakta metode-metode berikut telah digunakan:

- i. Metode Dokumentasi

Dalam hal ini data-data dikumpulkan dengan berpandukan dokumen-dokumen, meñuskrip-menuskrip dan sumber-sumber yang dianggap primer berkaitan masalah yang dibahas dalam kajian ini.

## ii. Metode Historis

laitu proses pengumpulan data dan maklumat yang berbentuk sejarah perkembangan pemikiran ekonomi Islam sejak zaman awal kebangkitan Islam hingga sekarang. Tulisan ini akan memberi penumpuan kepada sejarah kehidupan al-Imām al-Ghazālī, penulisan-penulisan beliau dengan memberi perhatian kepada penulisan *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* serta corak pemikiran beliau.

## b. Metode penafsiran dan penulisan.

Dalam menganalisa data-data, penulis akan mengemukakan metode-metode berikut:

### i. Metode induktif

laitu satu cara berfikir untuk mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus sehingga kepada perkara-perkara yang bersifat umum. Metode ini dikemukakan dalam menganalisis data-data sejarah bagi memperlihatkan proses 'perkembangan pemikiran ekonomi Islam dan

juga kaitan corak pemikiran al-Imām al-Ghazālī dengan perkembangan pemikiran ekonomi Islam.

ii. Metode komperatif

Iaitu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan ke atas beberapa data yang diperolehi. Metode ini dikemukakan khususnya terhadap keunikan pemikiran ekonomi al-Imām al-Ghazālī yang juga menjadi asas kepada pemikiran ekonomi oleh pemikir-pemikir ekonomi yang lain. Dilihat juga persamaan dan perbezaan asas pemikiran ekonomi Islam dan asas pemikiran ekonomi konvensional.

Bagi mencapai maksud tersebut, penumpuan diberikan ke arah mengumpulkan data-data yang diambil daripada perpustakaan-perpustakaan. Beberapa buah perpustakaan yang terlibat ialah:

1. Perpustakaan Universiti Malaya
2. Perpustakaan Kolej Islam Darul Ehsan
3. Perpustakaan Negara
4. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa
5. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
6. Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur.

## Masalah Kajian

Kajian ini memberi banyak pengajaran dan pengalaman yang amat berguna dalam usaha mendalamai ilmu penulisan secara ilmiah. Masalah dan kesukaran yang ditempuhi sepanjang menjalankan kajian tidak menghalang penulis dalam menghasilkan sebuah disertasi yang baik.

## Masalah Dalaman

Kekurangan sumber maklumat terutamanya daripada buku-buku ilmiah, memberikan sedikit masalah untuk mengumpulkan data-data yang diperlukan sepanjang kajian. Tidak banyak kajian dilakukan secara khusus berkaitan dengan pemikiran al-Imām al-Ghazālī dalam bidang ekonomi. Ini kerana selama ini kajian tentang tokoh ini banyak dibuat dalam bidang falsafah, tasyāuf dan pendidikan sahaja.

Dalam usaha mengkaji pemikir yang hidup kira-kira seribu tahun yang lalu agak sukar terutama bagi memberi gambaran yang jelas tentang latarbelakang kehidupan beliau. Perkara ini ditambah pula dengan perbezaan dari sudut tempat tinggal subjek dengan penulis menyebabkan agak sukar untuk menghayati suasana kehidupan al-Imām al-Ghazālī. Walau bagaimanapun perkara ini dapat diselesaikan dengan cara merujuk kepada kitab-kitab berkaitan riwayat hidup tokoh ini.

## Masalah Luaran

Tidak banyak masalah luaran yang dihadapi oleh penulis sepanjang kajian ini. Kekangan yang dihadapi cuma berkaitan masa yang agak terbatas serta kewangan yang tidak mencukupi.

Sebarang komen dan teguran membina terhadap kekurangan yang terdapat dalam disertasi ini amat dialu-alukan agar sebarang kesilapan yang serupa tidak akan berulang pada masa hadapan.

Semoga kajian ini mampu memberi sumbangan kepada pembangunan dan pertumbuhan sistem ekonomi Islam yang lebih lengkap di Malaysia.